

Graduan program sijil USIM-BIMB dirai



Ceria merakamkan gambar selfie pada Majlis Graduasi Program Pensijilan USIM-BIMB 2016.

Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) meraikan 40 graduan program Sijil

Peningkatan Kemahiran Profesional USIM-BIMB, baru-baru ini.

Graduan terbabit menerima sijil masing-masing

pada Majlis Graduasi Program Pensijilan USIM-BIMB 2016 yang berlangsung di Dewan Kuliah Utama, Fakulti

Pengajian Quran dan Sunnah, USIM di sini.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr Musa Ahmad, berkata program

khusus untuk kakitangan BIMB yang dijalankan sejak Jun tahun lalu itu adalah perkongsian pintar antara pihak universiti dengan bank berkenaan.

"Program ini membabitkan empat kohortambilan yang masing-masing terdiri daripada 20 pelajar.

Agenda penting

"Majlis kali ini meraikan graduan daripada kohort pertama dan kedua," katanya.

Sementara itu Pengarah Urusan BIMB, Datuk Seri Zukri Samat, berkata objektif utama program berkenaan yang dilaksanakan melalui Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) USIM ialah untuk meningkatkan profesionalisme kakitangan BIMB.

"Objektif itu selaras dengan satu daripada agenda penting BIMB, iaitu 'Membina kumpulan bakat dalaman' bagi memupuk budaya prestasi tinggi dan produktiviti yang cemerlang," katanya.